

# **Perairan Sabah laluan utama paus**

*um 08.08.2012 27*

**KOTA KINABALU** 7 Ogos -

Perairan Sabah dikenal pasti menjadi antara laluan utama ikan paus yang dalam perjalanan berkumpulan mengelilingi dunia.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Saleem Mustafa berkata, kedudukan geografi Sabah menjadikan perairan negeri itu lebih banyak menerima kunjungan paus di negara ini.

“Kedudukan geografi Sabah sendiri amat menarik kerana dikelilingi tiga lautan iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

“Keadaan ini dipercayai menjadi antara sebab Sabah sering dikunjungi ikan paus terutama jenis Bryde,” katanya di sini hari ini.

Minggu lalu seekor ikan paus jenis Bryde sepanjang 16 meter dengan berat 10 tan ditemui terdampar di pantai Kuala Penyu,

berhampiran Kampung Hujung Air di Kuala Penyu.

Paus yang ditemui berenang di kawasan sungai Kuala Penyu pada pukul 9.30 pagi itu kemudiannya terdampar pada pukul 10.30 pagi dan mati pada pukul 8 malam.

Dalam pada itu beliau berkata, pada masa ini pihaknya masih melakukan kajian terperinci termasuk ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) bagi mengenalpasti spesis paus yang terdampar di Kuala Penyu itu.

“Sejak penemuannya terdapat beberapa andaian sama ada ia adalah jenis Bryde, Ballen, Omaru dan Sei berikutan fizikalnya yang hampir sama antara satu sama lain.

“Bagaimanapun, pemerhatian awal mendapati ia adalah ikan paus dari jenis Bryde,” ujarnya.